



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

ISU PENEMPATAN PEGAWAI JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM) DI JABATAN KERAJAAN

PUTRAJAYA, 5 SEPTEMBER 2024 – Baru-baru ini Jemaah Menteri telah membincangkan perkara berkaitan **kenyataan kumpulan antara agama bukan Islam, Majlis Perundingan Malaysia bagi Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Taoisme (MCCBCHST)** berkaitan penempatan pegawai JAKIM di jabatan kerajaan dan Kementerian.

Sehubungan dengan itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), YB Senator Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar akan bertemu dengan Majlis Perundingan Malaysia bagi Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Taoisme (MCCBCHST) pada Jumaat ini.

Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Harmoni (JK HARMONI) yang dikendalikan bersama oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia telah menubuhkan tiga biro (*sub jawatankuasa*) yang bertujuan untuk memastikan gerak kerja yang lebih efektif dalam melaksanakan inisiatif keharmonian antara agama di Malaysia. Salah satu biro adalah **Biro Pengurusan Isu Agama dan Mediasi** yang memberi tumpuan dalam usaha merungkai isu-isu dan konflik berkaitan agama yang berlaku dalam kalangan masyarakat yang berpotensi mengancam perpaduan dan kesejahteraan masyarakat di Malaysia; dan menjadikan mediasi sebagai kaedah penyelesaian alternatif bagi tujuan pendamaian atau menyelesaikan apa-apa pertikaian dan perselisihan dalam kalangan anggota masyarakat yang berbilang agama dan bangsa.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara berkata supaya wakil-wakil agama dapat memanfaatkan ketiga-tiga biro di bawah JK HARMONI dalam mencari solusi dan penyelesaian kepada isu-isu berhubung keharmonian antara penganut agama. **Konsep Faham, Hormat, dan Terima perlu dihayati oleh semua rakyat Malaysia bagi merapatkan perbezaan dalam masyarakat berbilang kaum dan agama.** Faham, Hormat, dan Terima sebagai prinsip asas bukan sahaja bertujuan untuk memperkukuh semangat kebersamaan dan perpaduan dalam kalangan masyarakat, bahkan dapat menangani isu-isu yang berkaitan dengan keharmonian antara penganut agama, meningkatkan sifat hormat menghormati, dan mengukuhkan pemahaman.

Kementerian melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) sentiasa bersedia untuk menyediakan **perkhidmatan Mediator Komuniti** dalam mengurus isu-isu perpaduan dan keharmonian rakyat di negara ini. Kementerian telah melantik **562 orang Mediator Komuniti** sebagai pendamai masyarakat yang dikenali dalam membendung dan mengurus isu-isu perpaduan atau konflik sosial di peringkat komuniti.

Walaupun wujud perbezaan daripada kepelbagaian yang menjadi cabaran dalam mengukuhkan perpaduan namun jika ianya diuruskan dengan baik, kepelbagaian ini menjadi kekuatan negara dalam membentuk Malaysia MADANI yang harmoni dan bersatu-padu.

Kementerian Perpaduan Negara

5 September 2024

Dikeluarkan oleh:- Unit Komunikasi Korporat
b.p.: Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara
Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568/569
E-mel: pro@perpaduan.gov.my